

Fāṭimah al-Zahrā'

Suatu Gambaran Dari Riwayat Hidupnya

(2)

Sungguh tepat curahan hati pujangga Islam yang ulung – Iqbal, yang bertajuk “*Fāṭimah al-Zahrā'*” dan tersunting di dalam bukunya “*Rumuz-i-Bekhudī'*”. Syairnya yang indah ini telah disalinkan ke dalam bahasa Arab oleh al-Shaykh al-Ṣāwī Sha‘lān, ujarnya:

Wa al-majiddu yashruqu min thalathi maṭāli'

Fī majiddin Fāṭimatu famā a'lāhā

Hiya bintun man? Hiya ummun man? Hiya zawjun man?

Man dhā yusāmī fī al-fakhāri abāhā?

“Bersinar indah kemuliaan sejati * Mengarak senyum di tiga hala

Kepada Fāṭimah terhimpun pati * Sari kebesaran semua segala

Fāṭimah anak siapa? Ibu siapa? Isteri siapa?

Siapakah orangnya, yang dapat menyamai kemuliannya, yang dapat darjat ayahandanya?”

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeh)

Pada suatu hari, Sṭī Fāṭimah masuk
mendapatkan ibunya Sṭī Khadījah dengan ria gembira,
lalu menceritakan kepadanya bagaimana dia telah mendengar
ayahandanya menyeru kaumnya supaya mereka masing-masing
menyelamatkan diri, kerana tidak ada seorang pun yang
akan memberikan sesuatu faedah kepada mereka di sisi
Allah ‘Azza wa Jalla, sekalipun Fāṭimah binti Muḥammad sendiri.
Ayahandanya Nabi Allah itu tidak juga dapat
memberikan sesuatu faedah kepadanya di sisi Allah ‘Azza wa Jalla
kalau ia tidak beriman.

beriman kepada Allah dan telah membenarkan rasul-Nya dan agama
yang dibawanya. Dia juga telah menjual dunianya dengan
hari Akhirat, sedang hari Akhirat itu lebih baik dan
kekal abadi.

Ibu yang pengasih penyayang pun menyapu dahi
puterinya yang masih mentah itu dengan tangannya. Lalu berkata
dengan lemah lembut:

“Anakku sayang, apa gerangan yang engkau akan
jumpai sesudah aku wafat? Aku sudah pun mendapat
bahagianku di dalam dunia ini, aku sedang bersedia,
barangkali hari ini barangkali esok aku akan

Sṭī Fāṭimah bertambah gembira kerana dia telah pun

pergi. Kekanda-kekandamu Zaynab dan Ruqayyah semuanya sudah bersuami dan sedang hidup damai di rumah tangga masing-masing. Kekandamu Umm Kalthūm pula sudah berakal dan mempunyai sedikit sebanyak pengalaman yang menjadikan aku tidak menaruh bimbang terhadapnya. Tetapi engkau wahai Fāṭimah, engkau akan menghadapi alam kehidupan, begini, dalam umurmu yang masih mentah lagi, penuh dengan berbagai-bagai ujian dan penderitaan.”

Sambil mengenangkan ayahandanya yang bersifat pahlawan itu, Fāṭimah menjawab:

“Ibu janganlah bimbang, tak ada apa yang saya gaduhkan. Biarlah kaum Musyrikin mengganas dan berlaku kejam seberapa yang boleh mereka lakukan, biarlah mereka terus-menerus menindas kaum Muslimin seberapa yang boleh mereka buat, kerana kaum Muslimin sanggup menahan penderitaan dengan cekal hati. Fāṭimah juga, ibu, lebih-lebih lagi patut menanggung bahagian yang selayaknya daripada penderitaan itu, sesuai dengan kedudukannya sebagai puteri Rasulullah, yang mendapat tumpahan kasih sayangnya.”

Berhijrah

Tuhan telah menerima permintaannya, lalu diuji-Nya imannya dengan seberat-berat ujian. Fāṭimah yang tidak renggang dari ayahandanya, dan selalu keluar rumah bersama-samanya (kerana dia masih kecil lagi), sentiasa terseksa hatinya disebabkan tidak putus-putus melihat ayahandanya yang dikasihi dianiyai dan diganggu oleh kaum Musyrikin, dan berasa ngeri melihat kaum Muslimin, pengikut-pengikut ayahandanya, disiksa dengan kejam oleh musuh-musuh Islam.

Fāṭimah juga telah mengalami penderitaan yang pahit ketika ayahandanya dan bondanya serta sekalian kaum keluarganya dipulaukan oleh kaum Musyrikin dan dibiarkan mereka terkepung di kampung “Shi‘b Abī Ṭālib” sepanjang-panjang masa beberapa tahun. Setelah habis masa pemuluan itu, kembalilah Fāṭimah ke bandar Mekah untuk melihat bondanya Sītī Khadījah wafat dan kemudiannya ayahandanya pula berhijrah ke Madinah setelah tidak ada tempat lagi untuknya di Mekah.

Sambungannya pada muka 36



Suatu pemandangan dalam masjid junjungan kita

Nabi Muḥammad ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam di Madīnah al-Munawwarah.

Fāṭimah al-Zahrā'

Sambungan dari muka 11

Tiga hari selepas Nabi berhijrah, 'Alī bin Abī Ṭālib pula berhijrah sesudah dia menyampaikan barang-barang amanah orang ramai yang mereka simpan kepada Nabi. 'Alīlah yang menjadi wakil baginda untuk menyampaikan amanah-amanah itu kepada tuan-tuannya masing-masing.

Tinggallah Fāṭimah dan kekandanya Umm Kalthūm menunggu di Mekah, sehingga akhirnya datang orang-orang ayahanda mereka lalu membawa mereka ke Madinah. Dengan pelayaran mereka ini maka rumah tangga Nabi di Tanah Suci Mekah telah dikunci pintunya, sebagaimana terkuncinya rumah-rumah orang Islam yang telah keluar berhijrah beramai-ramai.

Perjalanan Sīfī Fāṭimah dan kekandanya Umm Kalthūm ke Madinah telah menerima gangguan kaum Musyrikin di pertengahan jalan. Seorang Musyrik bernama al-Ḥuwayrith, salah seorang musuh ketat Rasulullah di Mekah, telah menikam unta kenderaan mereka sehingga keduanya – Fāṭimah dan Umm Kalthūm – jatuh terbanting ke tanah.

Fāṭimah pada masa itu, kurus orangnya, akibat penderitaan yang telah ditempuhnya di Mekah semasa dia masih belum penuh besar lagi. Meskipun kesihatannya terganggu tetapi semangatnya bertambah kuat. Apabila unta kenderaannya ditikam oleh kaum Musyrikin di pertengahan jalan sehingga dia bersama-sama dengan kekandanya Umm Kalthūm jatuh terbanting di atas tanah, maka mereka akhirnya dapat juga meneruskan perjalanan dalam keadaan letih lesu, sehinggalah mereka tiba di Madinah dengan selamatnya. Di Madinah tiada seorang pun yang tidak mengutuk akan al-Ḥuwayrith yang kejam itu yang telah menyebabkan Sīfī Fāṭimah dan kekandanya Umm Kalthūm

jatuh di pertengahan jalan dan menderita kesakitan. Nabi tidak putus-putus menyebutnya walau peristiwa itu telah berlaku pada beberapa tahun yang lalu. Pada tahun Hijrah yang kedelapan, tatkala negeri Mekah direbut oleh baginda dari tangan kaum Musyrikin, baginda telah menyebut nama al-Ḥuwayrith di antara beberapa orang Musyrik yang ganas dan telah diperintahkan kepada pahlawan-pahlawan Islam supaya membunuh mereka sekalipun mereka didapati berlindung dalam kelambu Ka'abah.

Orang yang berhak membunuh akan al-Ḥuwayrith ialah Saiyidina 'Alī, suami Sīfī Fāṭimah sendiri, dan Saiyidina 'Alī telah berjaya membunuhnya (menurut riwayat "*Sīrat Ibn Hishām*" dan *Tārīkh al-Ṭabarī*).

Rumah Baharu

Setelah berhijrah ke Madinah, tinggallah Sīfī Fāṭimah di rumah ayahandanya yang baharu didirikan di tepi masjid. Tinggallah dia dengan tenang tenteram melihat ayahandanya mendapat kedudukan yang kuat di negeri yang baharu itu. Dilihatnya juga kaum Muhajirin berpuas hati dengan kedudukan mereka di situ. Apatah lagi Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah mempersaudarakan mereka dengan kaum Ansar (penduduk Madinah), supaya mereka tidak terasa diri mereka datang di negeri orang, dan dapat pula bertolong bantu antara dua puak yang bersaudara itu, kaum Muhajirin dan kaum Ansar.

Upacara mempersaudarakan dua puak itu telah selesai sebelum Sīfī Fāṭimah tiba di Madinah. Kalaulah Sīfī Fāṭimah ada hari itu di Madinah tentulah ia tidak berasa pelik ketika melihat ayahandanya, *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, berdiri dalam kumpulan sahabat-sahabatnya dan bersabda:

“*Ta’ākhū fī Allāhi akhawayni akhawayn.*”

Demikianlah, tiap-tiap seorang dari sahabat Nabi

“Bersaudaralah kamu pada jalan Allah, dua

telah dipersaudarakan dengan sahabat yang lain, manakala

saudara, dua saudara!”

Saiyidina ‘Alī pula lebih berbahagian kerana dia bersaudara

Setelah itu baginda pun memegang tangan sepupunya

dengan Penghulu manusia seluruhnya, Junjungan kita Nabi

‘Alī bin Abī Ṭālib dan bersabda:

Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

“*Hadhā akhī*”.

Tidak berapa antaranya, kita lihat ‘Alī bin Abī

“Orang ini ialah saudaraku.”

Ṭālib menjadi menantu Nabi, berkahwin dengan puterinya,

(Serentak dengan itu baginda telah mempersaudarakan

Fāṭimah al-Zahrā’, anak perempuan yang sangat-sangat dikasihi


oleh Baginda.

kaum Muhajirin sesama sendiri, dan kemudian

* * *

mempersaudarakan kaum Muhajirin dengan kaum Ansar pula).

Pada masa itu Fāṭimah hampir mencapai tahunnya



Suatu pemandangan yang indah dalam Masjid Nabi di Madīnah al-Munawwarah.

yang kedelapan belas, sedang ia masih tidak suka berkahwin, masih terpengaruh dengan perasaan bencinya terhadap perkahwinan semasa dia kecil dahulu, ketika saudaranya Zaynab yang sangat-sangat dikasihi – kerana perkahwinan – telah dibawa berpindah dari rumah ayah bondanya ke rumah suaminya Abū al-‘Āṣ bin al-Rabi‘. Masa itu Fāṭimah baharu berumur empat tahun.

Tahun berganti tahun, dan Fāṭimah makin penuh besar, dan dengan itu mengetahuilah ia akan rahsia dan tujuan perkahwinan. Keadaan semula jadinya, sebagai seorang perempuan, telah menyediakannya untuk menempuh pengalaman itu, yang telah ditempuh oleh tiap-tiap seorang perempuan dari jenis Ḥawā’ – sebelumnya, termasuk bondanya: Sīfī Khadījah, dan kekanda-kekandanya: Zaynab, Ruqayyah dan Umm Kalthūm.

Dalam pada itu, Fāṭimah juga sedar akan kedudukan ‘Alī bin Abī Ṭālib, yang semenjak berhijrah ke Madinah tinggal tidak jauh dari rumahnya. Dia juga kerap kali terpancang ‘Alī berulang-alik dan berjumpa dengan ayahandanya, dan kedatangannya itu dilihatnya bukan kerana perkara biasa, tetapi tetapi ada menyembunyikan suatu hajatnya. Walau bagaimanapun Fāṭimah sedia mengetahui akan rahsia saudara angkatnya itu, kerana semenjak dia penuh besar, mulai dia terasa dengan perasaan hati kecilnya, bahawa ‘Alī ada menaruh hati kepadanya.

Demikian juga Fāṭimah sendiri: Tidak terasa di dalam alam dirinya akan sesiapa (kecuali ayahandanya) yang lebih hampir kepadanya dan mendapat tempat yang mulia di dalam hatinya selain daripada “‘Alī”. Apatah lagi ‘Alī seorang anak muda dari kaum kerabatnya yang dekat (sepupu ayahandanya), dan tidak ada seorang pun dari anak-anak muda Quraisy

yang lebih gagah berani, lebih bijak pandai dan lebih teguh azamnya dan perdiriannya daripada ‘Alī. Bahkan tidak ada seorang pun di antara umat Islam seluruhnya, yang lebih dahulu memeluk Islam daripadanya atau lebih hampir kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* (*).

Meskipun demikian penghargaan dan pandangan Sīfī Fāṭimah kepada Saiyidina ‘Alī, tetapi dia telah mengunci hatinya terhadap Saiyidina ‘Alī sebagaimana dia telah mengunci hatinya terhadap kaum lelaki seluruhnya. Sīfī Fāṭimah hanya berpada dengan kedudukannya di sisi ayahandanya yang dikasihi. Ia tidak mahu berganjak daripada kedudukannya di rumah ayahandanya yang mulia. Semenjak ibunya Sīfī Khadījah *raḍīya Allāhu ‘anhā* wafat, maka dia (Fāṭimah) memandang dirinya ketua dan tuan bagi rumah tangga Rasulullah untuk menanggung tugas mentadbirkannya, dan dialah juga khalifah bagi ibunya yang telah kembali ke rahmatullah itu, untuk berdiri di sisi ayahandanya, pahlawan yang sedang berjuang menegakkan kebenaran, dan untuk menyediakan tempat rehatnya yang tenang tenteram.

Inilah perkara yang belum lagi difikirkan oleh Sīfī Fāṭimah binti Rasulullah, atau barangkali ia sekali-sekala telah memikirkannya tetapi kemudian telah berpaling daripadanya, supaya dia tidak merosakkan keadaannya yang ada sekarang dengan apa yang harus dibawa oleh masanya yang akan datang, yang tidak diketahui itu.

– **Bersambung.**

(* *Sīrat Ibn Hishām* – 1:262, dan lihat juga riwayat hidup al-Imām ‘Alī, *karrama Allāhu wajhah*, di dalam kitab “*al-Isfā‘ūb*” dan kitab hadis “*al-Tirmidhī*” – bab “*al-Manāqib*”).